

PM kukuhkan politik Sarawak

UM 19 JUL 2000

Oleh ABDUL HAMID MOHAMAD
[WARTAWAN UTUSAN]

“**U**MNO tidak berminat untuk masuk ke Sarawak. UMNO tidak akan terima kemasukan calon-calon bebas sekalipun memenangi pilihanraya negeri Sarawak tidak lama lagi” begitulah antara kata-kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika ditanya sama ada UMNO bersedia menerima kemasukan calon-calon Bebas andainya mereka memenangi pilihan raya negeri Sarawak yang boleh diadakan pada bila-bila masa dari sekarang.

Ungkapan yang boleh disimpulkan keputusan **mukamad Perdana Menteri** selaku Presiden UMNO itu sebaik sahaja selesai menghadiri perjumpaan dengan para pemimpin parti-parti komponen Sarawak sejurus selepas menjejakkan kaki di Bumi Kenyalang ini, baru-baru ini, sekaligus mematikan usaha kumpulan tertentu di negeri ini untuk membawa UMNO, sayap kanan Barisan Nasional (BN) bertapak di Sarawak.

Pada masa yang sama keputusan itu turut meletakkan impian kumpulan penyokong bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha untuk merasa kenikmatan berada di bawah payung UMNO dengan cara bertanding atas tiket bebas pada pilihan raya negeri tidak lama lagi.

Suasana politik yang sejak akhir-akhir ini menjadi agak bergelora di Sarawak ekoran tindakan kumpulan berkenaan yang dianggap secara tidak langsung mewakili pihak pembangkang di negeri ini, kembali reda ekoran keputusan yang diluahkan bagi kali kedua oleh Dr. Mahathir.

Pengakuan Presiden UMNO dan Pengerusi BN itu telah dapat mengikis kekeliruan di kalangan rakyat, terutama pengundi-pengundi Sarawak yang akan keluar menunaikan kewajipan masing-masing dalam meneruskan amalan demokrasi negara pada bila-bila masa sahaja dari sekarang.

tidak dipilih untuk bertanding pada pilihan raya umum lalu dan lantas mengambil tindakan keluar dari PBB.

Namun bekas Menteri Pertahanan itu memberi alasan bahawa perkara kemasukan UMNO ke negeri ini bukanlah sesuatu yang baru kerana perkara itu pernah dipersetujui oleh PBB 10 tahun lalu selepas ia diusulkan pada perhimpunan agung PBB dalam tahun 1986.

Lanjutan daripada itu, kumpulan Abang Abu Bakar dikatakan berjaya mengumpul kira-kira 138,000 rakyat Sarawak untuk dibawa masuk menyertai parti sayap kanan BN itu.

Malah sehingga ke hari ini, bendera UMNO dilihat masih berkibar megah di kediaman bekas Timbalan Presiden PBB itu di Jalan Bako, Kuching.

dengan tindakan mereka yang dianggap boleh memecah belahkan rakyat Sarawak.

Bukan sahaja Taib yang sekeras-kerasnya mengemukakan tindakan Abang Abu Bakar dan kumpulannya itu malah ketua-ketua parti komponen lain turut membuat kecaman yang sama.

Ketua Menteri Sarawak acap kali membuat kecaman terhadap rancangan kumpulan tersebut setiap kali menghadiri perhimpunan politik dan juga pada majlis-majlis perjumpaan dengan rakyat di negeri ini, sejak terdapatnya ura-ura UMNO hendak dibawa masuk ke negeri ini.

Begitu juga ketua-ketua parti komponen lain seperti Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam (SUPP), Datuk Leo Moggie (PBDS) dan Datuk James Wong Kim Min (SNAP) yang rata-rata menganggap tindakan kumpulan Abang Abu Bakar sudah keterlaluan.

Bagi mereka, Abang Abu Bakar tidak sepatutnya mengambil jalan yang boleh mengeruhkan suasana politik Sarawak dengan melakukan tindakan di luar dugaan sebagai seorang pemimpin diperingkat pusat setelah kerana tidak dicalonkan untuk bertanding pada pilihan raya.

Abang Abu Bakar sepatutnya tidak mengaitkan soal peribadi dengan kepentingan politik dan sewajarnya mencontohi bekas-bekas pemimpin lain di negara ini yang pernah menerima nasib yang sama sepertinya tetapi tidak pula bertindak seperti beliau untuk menyatakan kekecewaan.

Langkah mereka bukan sahaja boleh menjejaskan perpaduan dan konsep permuafakatan yang diamalkan oleh parti-parti komponen BN malah boleh diambil kesempatan oleh pembangkang untuk mengeruhkan lagi suasana politik BN di Bumi Kenyalang ini.

Dalam pada itu, kesediaan Perdana Menteri selaku ketua kerajaan meluahkan masa bertemu dengan keluarga mendiang Mathew yang terkorban dalam peris-

Tempoh mandat pemerintahan kerajaan negeri sekarang dibawah kepimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) akan berakhir September tahun depan.

Sesungguhnya lawatan Perdana Menteri ke Bumi Kenyalang kali ini bukan sahaja telah dapat mengeratkan lagi hubungan antara Kerajaan Pusat dengan negeri malah ia lebih daripada itu jika dilihat dari sudut politik negara.

Dr. Mahathir telah membuka jalan bagi bukan sahaja meredakan keadaan politik semasa yang agak kelam kabut malah pada masa yang sama dapat mengubah senario politik selepas Abang Abu Bakar dan kumpulannya mengambil tindakan yang mengesahkan politik Sarawak itu.

Kumpulan penyokong Abang Abu Bakar yang juga bekas Timbalan Presiden PBB mula merancang untuk bertanding atas tiket Bebas pada pilihan raya kali ini, selepas Dr. Mahathir mengumumkan awal tahun ini yang UMNO tidak akan mengembangkan sayapnya ke negeri ini.

Ketika mengumumkan keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi (MT) UMNO selepas bermesyuarat pada bulan Februari lalu, yang turut membincangkan perkara itu, Dr. Mahathir berkata sebarang tindakan menubuhkan cawangan parti itu di negeri ini oleh sesetengah pihak adalah tidak sah.

Sesetengah pihak yang dirujuk oleh Presiden UMNO itu difahamkan ditujukan kepada Abang Abu Bakar dan kumpulannya kerana merekalah yang mula-mula merancang kemasukan UMNO ke Bumi Kenyalang ini.

Difahamkan rancangan itu telah dilakukan mereka setelah Abang Abu Bakar dipercayai kecewa kerana

Dr. Mahathir telah membuka jalan bagi bukan sahaja meredakan keadaan politik semasa yang agak kelam-kabut malah pada masa yang sama dapat mengubah senario politik Sarawak

Mungkin selepas kekecewaan kali kedua itu, kali pertama tidak dipilih semula untuk bertanding dan kedua, MT UMNO memutuskan untuk tidak mengembangkan sayap parti itu ke Sarawak, kumpulan Abang Abu Bakar merancang pula untuk bertanding atas tiket bebas.

Sekali lagi kumpulan itu menempa kekecewaan apabila Presiden UMNO mengulangi pendirian MT bahawa UMNO bukan sahaja tidak akan mengubah pendirian mereka, malah parti itu tidak akan menerima kemasukan calon-calon Bebas yang pastinya dirujuk kepada kumpulan Abang Abu Bakar untuk duduk serumah dengan mereka, sekalipun menang pilihan raya negeri nanti.

Langkah Abang Abu Bakar dan kumpulannya itu bukan sahaja mendapat reaksi pelbagai pihak di negeri ini, malah pemimpin-pemimpin parti komponen BN negeri telah melabelkan kumpulan berkenaan sebagai pembangkang.

Parti-parti komponen BN Sarawak iaitu Parti Pesaka Bumiputera (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) tidak senang

tiwa di Sauk, Perak turut meredakan suasana politik negara yang peristiwa itu telah digunakan oleh pembangkang untuk menuding jari kepada kerajaan.

Majlis pertemuan selama kira-kira 15 minit yang turut di hadiri oleh Ketua Menteri Sarawak dengan keluarga mendiang anggota tentera itu telah dapat menjelaskan sikap dan pendirian kerajaan berhubung peristiwa hitam berkenaan terutama berkaitan isu perkauman.

Selepas kejadian yang meragut dua nyawa anggota keselamatan itu yang kedua-duanya bukan beragama Islam, suara-suara sumbang kedengaran kononnya isu perkauman berlaku semula di negara ini selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Namun isu itu kembali reda selepas Dr. Mahathir mengupasnya secara mendalam dan telah dapat menjelaskan kepada rakyat bahawa kejadian itu dilakukan oleh kumpulan manusia atau pelampau agama yang tidak waras.

Adalah tidak logik untuk mendakwa kumpulan Islam di negara ini membunuh orang Kristian dan India sedangkan rakyat pelbagai kaum di negara ini sejak sekian lama dapat hidup bersama dengan aman damai dan tenteram.

Seperti kata Perdana Menteri, tidak ada orang yang tergamak melakukan jenayah kejam seperti itu kecuali orang yang berfikiran tidak waras seperti pelampau-pelampau agama tersebut.

Peristiwa hitam itu tidak wajar dikaitkan sebagai unsur perkauman kerana ia tidak sama sekali mencerminkan sikap rakyat pelbagai kaum di negara ini sebaliknya ia dilakukan oleh kumpulan pelampau agama.